

11/05/1999

Sidang dilanjut sehari lagi

PERSIDANGAN Dewan Rakyat yang sepatutnya berakhir semalam dilanjutkan sehari lagi bagi membolehkan empat lagi rang undang-undang dibahas dan enam usul Menteri Kewangan dibentangkan.

Rang undang-undang itu ialah Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999; Rang Undang-undang Pelesenan Kenderaan Pelancongan (Pindaan) 1999; Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 1999; dan Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 1999.

Antara usul Menteri Kewangan ialah meminta majlis mesyuarat mengambil ketetapan membabitkan Perintah Duti Kastam (Pindaan), Perintah Duti Kastam (Pindaan), dan Akta Kawalan Pertukaran Asing.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, berkata beliau menerima perutusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyatakan bahawa kerajaan memerlukan tambahan sehari untuk tujuan itu.

"Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan memerlukan supaya mesyuarat Dewan Rakyat yang sedang berjalan ditambah satu hari lagi iaitu pada Selasa 11 Mei, 1999, untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Rakyat membahaskan rang undang-undang," katanya membaca kenyataan itu kepada anggota Dewan Rakyat.

Beliau kemudiannya meluluskan permintaan itu.

(END)